

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah usaha pihak Kementerian untuk membangunkan ekonomi rakyat menerusi tranformasi teknologi digital berteraskan 'internet of things' (IoT) terutamanya yang bersifat setempat bagi melahirkan inovasi sistem rangkaian gig ekonomi tempatan di samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam tempoh pasca COVID-19.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pandemik COVID-19 melanda dunia dan memberi kesan yang ketara di peringkat global termasuklah di Malaysia.

Jemaah Menteri pada 22 April 2020 telah bersetuju supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama-sama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menerajui inisiatif ekonomi digital sebagai agenda nasional di bawah Pasukan Petugas Ekonomi Digital (*Digital Economy Task Force – DETF*).

Pasukan petugas DETF ini dianggotai oleh wakil pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan serta wakil industri termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bertujuan menyelaraskan pelaksanaan pelbagai inisiatif ekonomi digital bagi memacu pemulihan

NO. SOALAN : 34

ekonomi negara yang terjejas akibat wabak Covid-19 berpandukan teras utama di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020.

15 aliran kerja (*workstream*) termasuk Ekonomi Gig (*Gig Economy*), platform teknologi (*technology platform*) serta syarikat pemula dan inovasi (*innovation and start-up*) dibentuk di bawah DETF bagi melaksanakan program berimpak tinggi hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk industri.

Selain itu, DETF juga memantau inisiatif bagi menambah baik ekosistem ekonomi gig di Malaysia. Seramai 697 *freelancer* telah mengikuti latihan dan bimbingan untuk menceburi bidang ekonomi gig. Usaha juga digandakan untuk menarik lebih ramai pekerja gig berdaftar dengan PENJANAGig (<https://gig.perkeso.gov.my>) sebagai jaminan keselamatan sosial dan kebajikan pekerja.

Peranan DETF akan diambil alih oleh Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara bermula Disember 2020 dengan penyerapan kesemua aliran kerja DETF dalam 6 kluster yang diwujudkan dalam struktur tadbir urus Majlis. Majlis ini akan memperkukuh inisiatif-inisiatif yang telah dimulakan oleh DETF dalam menyelaraskan pelaksanaan semua inisiatif bagi jangka masa sederhana dan panjang.

MOSTI telah diberi mandat untuk menerajui kluster Teknologi Baharu Muncul (*Emerging Technology*) di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR ini dan akan memastikan pelaksanaan inisiatif khusus di bawah kluster ini terutama dalam mengenal pasti teknologi dan dasar berkaitan bagi menyelesaikan isu-isu nasional dengan sasaran agar negara beralih daripada negara pengguna teknologi kepada negara pembangun dan pencipta teknologi. Tumpuan juga diberikan kepada penggunaan teknologi tempatan yang selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia negara berteknologi tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensi-agensinya telah membiayai pembangunan pelbagai teknologi untuk aplikasi sektor-sektor yang berbeza. Di antaranya termasuklah

NO. SOALAN : 34

penggunaan teknologi *Internet of Things*, robotik, automasi, *big data* dan kecerdasan buatan bagi membangunkan ekonomi rakyat. Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), sebuah agensi dibawah MOSTI, telah melaksanakan beberapa program pembangunan *start-ups* berteraskan teknologi dan inovasi, memperkenalkan perubahan cara bekerja kepada sektor awam dan swasta (badan-badan kerajaan dan korporat) seperti *Design Thinking Workshop*, *Deep Tech Bootcamp* dan *Hackathon*. Untuk tahun 2020, pihak Kementerian bersama dengan agensi pelaksana seperti MaGIC, TPM, MIMOS, MTDC dan Futurise telah memperkenalkan *National Technology & Innovation Sandbox* (NTIS). Penubuhan NTIS adalah bertujuan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) / *startups* / usahawan teknologi tinggi akibat daripada penularan wabak Covid-19.

Melalui MaGIC juga, bengkel dan *Bootcamp* yang berfokuskan atau berteraskan industri dapat memberi platform kepada para *startups* yang berteknologi, bagi memperhalusi pengembangan idea menjadi prototaip yang berfungsi atau produk / perkhidmatan sedia dikomersialkan.

Manakala, Geran Padanan Impak Sosial (SIM) – PENJANA pula, sebanyak RM10 juta geran diperkenalkan bertujuan untuk menyokong Perusahaan Sosial (SE) tempatan dan perniagaan berimpak sosial untuk menyemai dan memajukan inisiatif dan program mereka. Geran SIM akan diagihkan melalui mekanisma padanan 1:1 dan disediakan dengan inisiatif pendanaan awam untuk pemohon yang berjaya.

Malaysian Debt Ventures (MDV) telah menyediakan kemudahan Bantuan Pendanaan Permulaan Teknologi (*Technology Start-ups Funding Relief Facility*, TSFRF) kepada syarikat pemula yang terkesan dengan keadaan pasaran dan ekonomi yang teruk dan gangguan pembiayaan yang timbul akibat wabak Covid-19. TSFRF bertujuan untuk memberikan sokongan aliran tunai segera dan disasarkan untuk syarikat pemula dan modal teroka (*venture capital, VC*) yang disokong oleh agensi Kerajaan untuk mengekalkan operasi perniagaan mereka.

MOSTI juga telah melancarkan rangkaian hackathon nasional yang disebut “MYHackathon” yang memberi peluang kepada semua inovator, jurutera perisian, pakar subjek termasuk daripada syarikat pemula (*start-up*) dan ekonomi gig untuk bersama-sama membuat penyelesaian digital

NO. SOALAN : 34

yang akan membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam utama kepada Rakyat.

Selain daripada itu, MOSTI sedang menyediakan beberapa kajian halatuju (*roadmap*) jangka masa panjang sebagai contoh dalam bidang elektrik dan elektronik - semikonduktor, *blockchain* dan kecerdasan buatan (AI) untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan rantai nilai (*value chain*) ekonomi yang berpotensi menjana perkembangan industri dan pewujudan peluang pekerjaan baru dalam jangka masa panjang.

Langkah-langkah di atas dijangka akan memberikan kesan positif kepada kepada sistem rangkaian *gig* ekonomi tempatan di samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam tempoh pasca COVID-19.

Sekian, terima kasih.